



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

GRADUATE SUCCESS ATTRIBUTES

UHAK1012 SECTION 24

LAPORAN KEUSAHAWANAN

NAMA PELAJAR:

- | | |
|---------------------------------------|-----------|
| 1. MUHAMMAD WAFIUDDIN BIN MOHD SALLEH | A17KM0319 |
| 2. SYED MUSTAQEEM BIN SAID HUSSAIN | A17KM0423 |

PENSYARAH: DR SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

PENGENALAN

Pada 30 September 2019 yang lalu, kami telah menjalankan tugas lapangan yang diberikan oleh pensyarah yang memerlukan kami menemu ramah pengusaha atau peniaga di sekitar kawasan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini. Dahulunya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah saya Dr Syamsul Hendra Bin Mahmud kerana telah menunjuk ajar serta bimbingan dalam tugas ini bagi subjek Attribut Kejayaan Graduan (UHAK 1012). Selain itu, ucapan terima kasih diucapkan kepada Encik Muhd Khairul Nizam sebagai seorang pengusaha dan juga usahawan muda dalam bidang teknologi. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan dan keluarga yang banyak memberikan sokongan secara langsung dan tidak langsung kepada saya.

SESI TEMURAMAH

Nama penuh : Muhd Khairul Nizam
Umur : 28 tahun
Asal : Kempas, Johor Bahru
Nama kedai : Kedai Komputer, Arked Lestari

En Khairul Nizam atau lebih selesa dipanggil Nizam merupakan pemilik Kedai Komputer di Arked Lestari ini telah mula berniaga sejak awal tahun 2017 sehingga kini. Beliau telah menerima kontrak dari UTM pada penghujung tahun 2016. Tanpa banyak persoalan beliau telah menjalankan perniagaan sejurus segala prosedur selesai. Beliau menerima kontrak ini kerana peniaga lama telah tidak beroperasi maka beliau telah mengambil peluang keemasan ini untuk melebarkan sayap perniagaan beliau. Perniagaan yang dijalankan adalah cabang daripada rangkaian sedia ada yang berasaskan pembaikan laptop dan telefon yang terletak di Taman Universiti, Skudai. Kedai membaik komputer oleh En Nizam ini beroperasi setiap hari dari 10 pagi hingga 10 malam kerana menurut beliau para pelajar akan ada waktu yang fleksibel dan bersesuaian dengan mereka kerana para pelajar agak sibuk dengan kuliah di waktu pagi.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

En Nizam menyediakan perkhidmatan membaiki peranti teknologi seperti komputer riba, telefon pintar dan alat-alat gajet yang lain. Selain itu, beliau juga menjual komputer riba terpakai kepada pelajar-pelajar dan menjual aksesori dan peralatan computer. Beliau yang merupakan lepas diploma Politeknik dalam bidang elektronik komputer telah mempelajari ilmu membaiki pulih komputer riba semasa beliau masih pelajar Politeknik dan telah mengaplikasi ilmu tersebut dengan membaiki komputer atau telefon rakan-rakan yang rosak. Bermula dengan hanya menukar papan kekunci dan skrin bagi komputer riba dan telefon telah menyuntik semangat dalam diri beliau untuk meneruskan lagi kemahiran itu. Setelah itu, beliau telah berminat untuk meneruskan kemahiran yang dulunya hanya sebagai hobi sejurus menjadi sebuah perniagaan bagi En Nizam. Di samping itu, setelah graduasi daripada Politeknik beliau juga turut menyertai bengkel-bengkel dan kelas cara-cara membaiki komputer dan telefon di luar yang menelan kos yuran yang agak besar sehingga mencecah ribuan ringgit. Walaubagaimanapun, menurut En Nizam kos yuran itu hanyalah pelaburan bagi beliau untuk menambah kemahiran dan ilmu dalam perniagaan yang beliau ceburi. Beliau juga menyatakan segala ilmu yang dipelajari akan diajar kepada pekerja-pekerja beliau pada masa akan datang agar ilmu kemahiran tersebut dapat diteruskan oleh orang lain.

CABARAN

Sepanjang menjalankan perniagaan yang telah memasuki usia 4 tahun di UTM ini banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh En Nizam dalam menjalankan perniagaan beliau. Beliau juga turut terkesan dalam pasang surut dunia perniagaan yang banyak cabaran ini. Menurut En Nizam, perniagaan yang dijalankan dapat sambutan yang agak baik dari segi kehadiran pelanggan yang diterima oleh beliau. Beliau juga berpuas hati dengan kehadiran pelanggan untuk membaiki komputer riba dan telefon pintar yang rosak kerana kemahiran yang diperolehi oleh beliau telah mendapat kepercayaan daripada para pelanggan. Walaubagaimanapun, jualan aksesori komputer tidak memberangsangkan kerana para pelanggan hanya datang untuk membandingkan harga di kedai milik En Nizam tetapi beliau amat positif dan beranggapan perkara sedemikian hanyalah perkara biasa dalam dunia perniagaan. Selain itu, beliau juga menyatakan perniagaan beliau berjalan dengan lancar dan tidak pernah mengalami kecurian kerana sistem keselamatan di Arked Lestari adalah baik dengan sistem penggera.

PERANCANGAN

Akhir sekali, En Nizam telah menyatakan hasrat untuk meneruskan perniagaan beliau di Arked Lestari ini walaupun kontrak beliau akan tamat pada penghujung tahun ini. Beliau juga ada menyatakan beliau akan membuat penilaian dan statistik perniagaan pada setiap penghujung semester bagi membuat perancangan dan penambahbaikan di masa akan datang. Beliau juga berharap para pelanggan akan terus memberi sokongan dan sambutan terhadap perniagaan beliau. Beliau juga menyatakan beliau akan terus menambak baik kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh beliau dari semasa ke semasa.



Gambar 1: Foto kenangan bersama En Nizam